

BULETIN MPSP 09'

Kandungan

- * Penerimaan Jawatan Ahli Majlis
- * Taklimat Harta Bangunan Dan Harta Bersama
- * MPSP Sertai Earth Hour
- * Aktiviti LA2 MPSP
- * Karnival Pengurusan Sisa Rumah LA21
- * MPSP Buka Taman Tema Kepada Warga Seberang
- * Angkat Sumpah YDP Baru
- * Perhimpunan Warga MPSP Kali Ke - 3 Tahun 2009
- * Muhamimin Juara Zon Utara Bintang Klasik RTM
- * Star Rating PBT 2008
- * Kunjungan Dan Lawatan

Keluaran Januari - Jun
Jabatan Kemasyarakatan
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Jalan Perda Utama
14000 Bukit Mertajam
Tel: 04-5497455/6/7

Penaung: Tuan Haji Mokhtar bin Mohd Jait,
Yang Dipertua
Penasihat: Encik Zainol Abidin bin Mohd Noh,
Setiausaha Perbandaran
Ketua Editor: Encik Wan Junaidy bin Yahaya
Editor: Encik Sofian bin Shaari
Jurugambar: Encik Sheikh Zakaria bin Sheikh Ahmad
Percetakan : Muhamad Shaharul bin Ishak

MAJLIS PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS

Majlis penerimaan jawatan Ahli Majlis MPSP telah diadakan pada 15 Januari 2009. Kerajaan Negeri telah melanjutkan tempoh perkhidmatan semua Ahli Majlis yang lalu selama 2 bulan bagi membolehkan perkhidmatan MPSP kepada pelanggan berterusan. Majlis penerimaan jawatan ini telah diadakan di Dewan Mesyuarat Kenanga, Ibu Pejabat MPSP. YAB Ketua menteri dan Y.B. Timbalan Ketua Menteri II, Y.B. EXCO Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas turut hadir ke majlis ini. Majlis menyaksikan kesemua 24 Ahli Majlis yang dilantik oleh Kerajaan Negeri pada kali ini (tidak melibatkan perlantikan 3 Pegawai Daerah sebagai Ahli Majlis) melafazkan ikrar penerimaan jawatan sebagai Ahli Majlis dihadapan Ketua Menteri.



MAJLIS PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS



Pada 4 Mac 2009, Majlis penerimaan Jawatan ahli Majlis MPSP telah diadakan bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda. YAB Ketua Menteri, Lim Guan Eng, Y.B Timbalan Ketua Menteri II, Y.B. Prof. Dr. P.Ramasamy dan EXCO Kerajaan Tempatan & Pengurusan Lalulintas Y.B. Chow Kon Yeow, EXCO Kesihatan & Kebajikan, Masyarakat Penyayang Dan Alam Sekitar Y.B. Phee Boon Poh dan EXCO Kerjaraya, Utiliti(Tenaga, Air, Telekom), dan Pengangkutan (Udara, Laut , Keretapi) Y.B. Lim Hock Seng turut hadir meraikan perlantikan Ahli Majlis baru bagi tahun 2009. Majlis menyaksikan 4 muka baru menganggotai Ahli Majlis MPSP.



26 MAC 2009 : TAKLIMAT PELAKSANAAN AKTA BANGUNAN & HARTA BERSAMA

Taklimat pelaksanaan Akta Bangunan & Harta Bersama (Penyelenggaraan & Pengurusan) 2007 (Akta 663) Dan Akta Hakmilik Strata) kepada semua badan pengurusan pangsapuri dan persatuan-persatuan penduduk di pangsapuri-pangsapuri seluruh Seberang Perai telah diadakan pada 26 Mac 2009 di Auditorium MPSP.

Dalam majlis ini satu penerangan ringkas berkenaan penubuhan *Joint Management Body* (JMB) disetiap bangunan pangsapuri yang melibatkan pihak pengurusan dan Penduduk. Penguatkuasaan Akta ini menyebabkan Yang Dipertua Majlis Perbandaran dilantik sebagai Pesuruhjaya Bangunan yang berperanan untuk memantau perjalanan JMB dalam urusan penyelenggaraan harta dan kepentingan bersama penghuni-penghuni pangsapuri.



Hak Milik Strata

Tahukah anda bahawa hak Milik strata merupakan hakmilik hanya dikeluarkan kepada unit di dalam satu bangunan atau tanah yang dipecah bahagi. Apabila hakmilik strata dikeluarkan, pemilik unit boleh melakukan beberapa urusan yang dibenarkan Kanun Tanah Negara seperti memindah milik atau menggadai.

Petak Dan Petak Aksesori

Tahukah anda unit yang anda beli atau miliki sekarang dinamakan petak dan satu hak milik strata berasingan didaftarkan dan dikeluarkan bagi setiap petak. Selain petak bagi setiap pemilik, terdapat juga apa yang dinamakan petak aksesori, iaitu petak yang digunakan secara eksklusif oleh petak yang mana hak milik strata itu didaftarkan. Contohnya ialah tempat letak kereta. Petak aksesori ini tidak didaftarkan sebagai satu hakmilik strata yang berasingan. Dengan itu ia tidak boleh dijual tanpa petak utamanya.

Penubuhan JMB


Tahukah anda bahawa dengan berkuatkuasa akta 663 ini, pemaju dikehendaki menyerahkan tanggungjawab penyelenggaraan dan pengurusan kepada JMB tidak lewat daripada 12 bulan daripada tarikh penyerahan milikan kosong. JMB merupakan penubuhan perbadanan (*body Coperate*) yang kekal turun temurun. (*prepetual succession*) dan mempunyai satu meterai perbadanan biasa. (**common seal**), serta boleh mendakwa dan didakwa. Ahli JMB terdiri daripada pemaju dan semua pembeli

Tanggungjawab MC

- Mengurus dan menyelenggara dengan sempurna harta bersama
- Mengurus dan menyelenggara satu kumpulan wang pengurusan bagi tujuan untuk menampung apa-apa perbelanjaan pentadbiran.
- Menginsurangkan bangunan dari aspek struktur bangunan dan harta bersama terhadap kebakaran dan apa-apa risiko lain.
- Mematuhi apa-apa notis atau arahan pihak berkuasa berhubung dengan harta bersama, serta
- Menyedia dan menyelenggara satu daftar strata (*strata Roll*) yang mengandungi butiran mengenai lot, hak mili, bangunan, pemilik asal, MC, petak, pemilik petak dan urus niaga.

MPSP SERTAI EARTH HOUR 2009

MPSP bersama masyarakat dunia menjayakan program "EARTH HOUR 2009". Melalui program ini pada 28 Mac 2009 mulai jam 8.30 malam hingga 9.30 malam semua lampu di bangunan-bangunan milik MPSP akan dipadamkan. Ini termasuklah semua pasar-pasar awam, Kompleks-kompleks gerai makanan, depo-depo sampah, kompleks-kompleks sukan dan sebagainya untuk mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dipremis-premis tersebut. Lampu yang dimaksudkan adalah lampu-lampu *exterior* (luar bangunan ataupun lampu perhiasan) yang perlu dipadamkan dan bukannya menutup keseluruhan lampu bangunan *blackout* sepenuhnya. Dalam usaha untuk menjayakan program ini, aspek keselamatan harta Majlis juga perlu diambil kira supaya tidak berlaku kejadian yang tidak diingini seperti kecurian dan kebakaran.



Aktiviti LA 21 MPSP

MPSP memperkenalkan Pasukan Kerja LA 21 yang dibentuk bersama masyarakat dan pertubuhan bukan kerajaan. Pasukan-pasukan ini terlibat secara terus dalam usaha untuk mengiatkan usaha pemeliharaan alam sekitar melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. Pasukan kerja yang ditubuhkan adalah seperti berikut :



1. Pasukan Kerja cara Hidup Sihat Dan Keselamatan Untuk Masyarakat
2. Pasukan Kerja Kebudayaan dan Pelancongan
3. Pasukan Kerja Kesayangan Haiwan Seberang Perai
4. Pasukan kerja Sistem Pengurusan Alam sekitar (Prai)
5. Pasukan Kerja Membuat Kompos Sisa Dapur
6. Pasukan Kerja Penyertaan Wanita Dalam Penjagaan Alam Sekitar
7. Pasukan Kerja Rumah Pangsa Sejahtera
8. Pasukan Kerja Kitar Semula Komputer Terpakai
9. Pasukan Kerja Pangsa PPR Ampangan



Matlamat penubuhan

- Membentuk cara hidup sihat, aman dan harmoni
- Mengenal pasti kawasan Juru sebuah tempat yang bersih, indah dan penuh budaya tradisional untuk menarik pelancung.
- Menjadikan alam sekitar dikawasan bandar dan taman perumahan bebas dari anjing berkeliaran
- Menjadikan persekitaran Kawasan Perusahaan Perai bersih, indah dan selesa
- Kompos berjaya dihasilkan
- Membentuk kumpulan berinteraksi bertajuk Wanita LA 21 dan satu tempat jualan untuk kaum wanita
- Aktiviti mempereratkan perhubungan masyarakat menjaga kebersihan dan melanskap tanah lapang
- Komuniti dan syarikat mengamalkan program kitar semula komputer terpakai



24 Mei 2009 : KARNIVAL PENGURUSAN SISA RUMAH

MPSP melalui pasukan LA 21 menganjurkan Karnival Pengurusan Sisa Rumah di Dewan Tan Sri Eng Chuan Tong, Jalan Kampung Paya Butterworth. Berbagai acara pameran dan pertunjukan seperti berikut telah diadakan.

- I. Pelancaran pengumpulan minyak masak terpakai.
- ii. Ceramah "Global Warming"
- iii. Pertunjukan penambahan nilai barang yang dikitar semula,
- iv. Kaedah membuat kompos dengan menggunakan EM Bokashi,
- v. Membuat EM Mud Ball,
- vi. Membuat sabun dengan minyak masak terpakai,
- vii. Program kitar semula komputer terpakai dan
- viii. Vermikompos.

YAB Ketua Menteri, Tuan Lim Guan Eng turut hadir merasmikan Karnival yang julung kali dianjurkan ini untuk mengetahui dengan lebih dekat aktiviti-aktiviti LA 21 yang dianjurkan bersama dengan masyarakat setempat.



16 Mac 2009 : MPSP Buka Taman Tema Kepada Warga Seberang

Satu lagi kemudahan awam untuk warga Seberang Perai beriadah bersama keluarga pada hujung minggu dibuka di Daerah Seberang Perai Tengah. Terletak di tengah-tengah kawasan Bandar Bukit Mertajam, Taman Tema yang terletak di Jalan Betek dan berhadapan Pusat Pentadbiran Daerah Seberang Perai Tengah ini menjadi pilihan utama kepada penduduk sekitar khususnya dan seluruh warga Seberang Perai amnya.

Untuk melakukan aktiviti riadah dan bersantai secara ringkas bersama keluarga dihujung minggu. Taman Tema yang menjadi sebahagian daripada kemudahan di Kompleks Sukan SPT ini, juga dilengkapi dengan kolam renang awam bersaiz Olimpik dan padang bola lengkap dengan astaka dan bilik persalinan serta sesuai untuk penganjuran liga bolasepak.

Taman Tema ini dibuka mengikut 2 sesi iaitu :

- Sesi 1 – 9.00 pg hingga 1.00 ptg
- Sesi 2 – 4.00 ptg hingga 9.00 mlm

Pada setiap hari Sabtu hingga Khamis dan ditutup pada setiap Jumaat.



04 Jun 2009 : YDP Baru Angkat Sumpah

Majlis Perbandaran Seberang Perai menerima Yang Dipertua baru mulai 01 Jun 2009. Tuan Haji Mokhtar bin Mohd. Jait, Bekas Pegawai Daerah Seberang Perai Utara telah dilantik menggantikan Encik Farizan bin Darus yang dilantik menjadi Pegawai Kewangan Negeri. Kepada kedua-duanya, mantan dan YDP baru seluruh warga kerja MPSP mengucapkan tahniah dan selamat menjalankan tugas.

Satu majlis melafazkan ikrar penerimaan jawatan Yang Dipertua telah diadakan pada 4 Jun 2009, menyaksikan Tuan Haji Mokhtar bin Mohd. Jait menerima jawatan YDP MPSP dihadapan YAB Katua menteri Pulau Pinang. Majlis telah diadakan di Dewan Mesyuarat, Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda. Y.B. Pegawai Kewangan Negeri yang juga mantan YDP MPSP turut hadir meraikan penerimaan jawatan itu.



8 JUN 2009 : Perhimpunan Warga MPSP Kali Ke 3 Tahun 2009

Perhimpunan warga MPSP pada kali ini menjadi tempat pertama Tuan Yang Dipertua bersemuka dengan warga kerja MPSP yang jumlahnya hampir 2000 orang selepas dilantik sebagai Yang Dipertua pada 1 Jun 2009. Ianya menjadi landasan utama Tuan Yang Dipertua untuk memaklumkan halatuju baru MPSP kepada seluruh warga kerjanya supaya seluruh warga kerja MPSP mempunyai satu matlamat dan satu tujuan yang sama untuk memperkasakan perkhidmatan MPSP. Dalam ucapannya Tuan YDP melahirkan hasrat untuk melahirkan semangat kerja baru kepada seluruh warga kerja MPSP yang telahpun berada dilandasan yang betul.

Perhimpunan kali ini turut dihadiri oleh mantan Yang Dipertua Y.B Encik Farizan bin Darus, Pegawai Kewangan Negeri, yang berpeluang untuk bersama warga kerja MPSP. Beliau turut melahirkan rasa terima kasih kepada seluruh warga kerja atas kerjasama dan bantuan yang diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sebagai Yang Dipertua MPSP.

**13 Jun 2009 : Muhaimin Juara Zon Utara
Bintang Klasik RTM**

MPSP mengucapkan tahniah kepada Encik Muhaimin Bin Azzhan (Artis Budaya, Jab. Kemasyarakatan) di atas kejayaan beliau dalam Pertandingan Bintang Klasik Zon Utara Anjuran RTM yang telah berlangsung di Hotel Sri Malaysia, Kepala Batas pada 13 Jun 2009. Beliau akan mewakili Zon Utara ke Pertandingan Bintang Klasik Kebangsaan.

STAR RATING PBT (SSR-PBT) 2008

MPSP telah mendapat rating 3 bintang dengan markah 72.05 dan berada di tempat ke 16 daripada 98 buah PBT seluruh Malaysia. Penarafan 3 bintang oleh MAMPU ke atas MPSP dengan kekurangan 2.95 markah untuk memperolehi 4 bintang, menjadikannya satu cabaran kepada seluruh warga kerja MPSP supaya lebih gigih untuk mendapat pencapaian yang lebih baik pada masa hadapan.

Kunjungan Dan Lawatan

Tarikh	Kunjungan / Lawatan
16/01/2009	Lawatan Daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya MPSP menerima kunjungan dan lawatan sambil belajar daripada, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Lawatan bertujuan menilai dan mempelajari Amalan Terbaik Sektor Awam di MPSP.
02/02/ 2009	Lawatan Daripada Majlis Perbandaran Kuantan MPSP menerima kunjungan dan lawatan daripada Majlis Perbandaran Kuantan.
08/04/ 2009	Lawatan Daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya MPSP menerima kunjungan dan lawatan daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Lawatan adalah seramai 70 orang dan terdiri daripada pegawai dan anggota penguatkuasa bertujuan untuk berkongsi maklumat berhubung isu-isu penguatkuasaan berkaitan perkhidmatan oleh Polis Bantuan.
13/04/2009	Lawatan Teknikal Daripada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak MPSP menerima kunjungan dan lawatan daripada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak. Tujuan lawatan adalah untuk mempelajari Sistem Penilaian yang digunakan di MPSP.
20/04/2009	Lawatan daripada Majlis Perbandaran Kajang MPSP menerima kunjungan dan lawatan daripada Majlis Perbandaran Kajang. Lawatan ini yang diketuai oleh Yang Dipertua MPKj disertai juga oleh 24 Ahli Majlis MPKj, 23 Pegawai dan 6 Urusetia. Tujuan lawatan adalah untuk memperolehi maklumat berkenaan Perkhidmatan Kaunter Berpusat dan OSC, serta Sistem Perkhidmatan Dan Pelupusan Sisa Pepejal yang digunakan di MPSP.
26/05/2009	Lawatan Daripada Majlis perbandaran seremban Dimaklumkan bahawa Majlis akan menerima lawatan kerja dari Majlis Perbandaran Seremban. Lawatan bertujuan untuk menilai dan mempelajari sistem-sistem di Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Pelesenan dan Perbendaharaan.